

23/09/1998

PM dapatkan sendiri bukti salah laku

PETIKAN soal jawab Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sidang akhbar di Jabatan Perdana Menteri, semalam, berhubung kejadian perhimpunan dan perarakan haram yang membawa kepada penahanan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

SOALAN: Adakah insiden Ahad lalu memang dijangka?

JAWAB: Tidak malah polis sendiri berkata mereka tidak menjangka perkara itu akan berlaku. Mereka tidak menjangka ia akan mencetuskan sebarang keganasan. Selama ini, mereka memang mengawasi kegiatan (Anwar) dan setakat ini, beliau hanya menyampaikan ucapan berapi-api tetapi reaksi mereka yang hadir hanya melaungkan "Allahuakbar" dan itu saja. Polis tidak menjangka sebarang keganasan, jadi mereka tidak bersedia menghadapi keadaan ini.

S: Sebilangan besar orang yang menghadiri ceramahnya menunjukkan masih ramai yang mempercayai Anwar. Adakah kerajaan akan mengemukakan lebih banyak bukti untuk meyakinkan rakyat apa yang ia (Anwar) lakukan?

J: Ya, tetapi saya mesti menjelaskan bahawa tidak semua yang hadir adalah penyokong atau mereka yang benar-benar mempercayai Anwar. Sebahagian mereka hadir berdasarkan rasa ingin tahu, sebahagian besar kerana mereka mahu melihat persembahan di Dataran Merdeka.

Namun begitu, memang agak benar bahawa ramai orang yang masih mempercayainya. Saya berkata begitu kerana saya sendiri mengambil masa beberapa tahun untuk mempercayai tuduhan yang dibuat terhadapnya.

Pertama kalinya, saya diberitahu oleh bekas Ketua Polis Negara, Tun Haniff (Omar) tetapi saya tidak mempercayainya dan menganggap ia tuduhan palsu. Kemudian, saya diberitahu lagi tahun lalu dan sekali lagi saya tidak mempercayainya. Saya berkata ia dibuat berdasarkan perasaan cemburu terhadap orang yang akan menjadi pemimpin parti.

Saya menerima bukti yang sukar dipertikaikan kesahihannya sebelum saya mempercayainya. Tetapi orang lain sendiri tidak berpeluang mendapat jenis maklumat yang saya dapati. Saya sendiri bertanya dengan orang yang diliwatnya, wanita yang mengadakan hubungan seks dengannya dan pemandu kereta yang membawa wanita berkenaan ke tempat di mana Anwar berjumpa dengannya.

Perkara itu diberitahu kepada saya tanpa kehadiran polis dan orang lain. Dan saya memberitahu mereka "jika anda dipaksa untuk membuat pengakuan, tolong beritahu saya" tetapi mereka berkata "tidak, kami tidak dipaksa polis. Kami memberitahu perkara yang sebenarnya." Sesetengah mereka berkata lelaki ini tidak layak menjadi pemimpin.

S: Adakah Dr menganggap polis bertindak ganas apabila mereka menangkap mereka yang berdemonstrasi semalam?

J: Saya tidak fikir mereka bertindak ganas. Jika anda melihat (peristiwa) di Los Angeles, mereka lebih ganas lagi. Sebenarnya, bila anda menangani kumpulan orang yang tidak mengikut arahan, sedikit kekerasan harus digunakan. Saya ingin bertanya kepada anggota polis atau sesiapa juga yang berasa ingin untuk menjalankan tanggungjawab sebagai seorang polis untuk mencuba menangkap mereka yang ganas. Tidak dapat dielakkan, sedikit tahap kekerasan harus digunakan. Tetapi saya rasa ia minimum. Tiada siapa yang cedera, malah ketika ditahan Anwar juga diberi peluang untuk menyerah secara aman. Ia tidak dilayan seperti di sesetengah negara di mana mereka dirantai tangan dan kaki. Tetapi dalam negara ini, ia malah

tidak digari. Ia dibawa begitu saja. Beliau mahu keluarga mengikutinya dan keluarganya dibenarkan ikut. Akhirnya, mereka dihantar pulang dalam keadaan selamat.

S: Adakah beliau akan didakwa di mahkamah?

J: Ya, saya fikir bila polis bersedia, mereka akan mendakwa beliau.

S: Adakah tempoh jangka waktu tertentu bagi beliau didakwa?

J: Sebenarnya, saya tidak campur tangan dalam perkara seumpama itu. Ia terpulang kepada pihak pendakwa dan polis. Bila mereka bersedia, mereka akan mendakwa beliau.

S: Bekas Ketua Polis Negara ada memberitahu anda bahawa Anwar mempunyai kecenderungan terhadap homoseksual?

J: Ya, saya diberitahu mengenai perkara itu. Itu berlaku beberapa tahun lalu sebelum beliau bersara. Tetapi saya berasa sukar untuk mempercayai perkara itu dilakukan lelaki yang menonjolkan dirinya sebagai orang yang berpegang teguh kepada agama.

S: Adakah kerana Anwar dianggap akan mencabar anda?

J: Buat apa? Saya akan bersara tidak lama lagi dan saya telah menamakannya sebagai pengganti saya. Tetapi dia memang merancang untuk menjatuhkan saya dengan membuat pelbagai tuduhan yang beliau akui sendiri. Walaupun ketika itu beliau memang bersikap baik terhadap saya...sentiasa tersenyum, pada masa yang sama beliau membuat perancangan. Saya tahu perkara itu tetapi saya memilih untuk mengetepikannya kerana bagi saya ia tidak relevan. Jika beliau dipilih oleh parti sebagai pemimpin, OK, dia memang dialu-alukan. Jika dia fikir dia boleh mencabar saya, saya boleh bertanding menentang dia. Saya pernah bertanding menentang orang lain dan saya mempunyai peluang yang baik untuk menang.

S: Perdana Menteri Australia menganggap kerajaan sedang menuju ke arah autoritarian. Adakah anda menerima tanggapan itu?

J: Saya fikir anda adalah autoritarian apabila anda membuat tuduhan sebelum anda benar-benar mengetahui perkara sebenar. Seseorang itu harus mendengar penjelasan kedua-dua pihak dan baru mengeluarkan pandangan yang wajar. Tetapi jika anda hanya membaca akhbar dan mengemukakan pendapat berasaskan itu, saya fikir ia lebih diktator.

S: Perdana Menteri Australia salah?

J: Perdana Menteri itu memang sangat bersalah.

S: Apabila anda menjelaskan kepada pemimpin Umno bahagian, anda tidak memberi penjelasan terperinci mengenai salah laku seksual Anwar. Adakah anda fikir ia telah menyukarkan mereka untuk memberi penjelasan kepada ahli akar umbi?

J: Adalah sukar bagi saya untuk menjelaskannya dan saya fikir, mereka juga akan menghadapi kesukaran untuk memberi penjelasan. Adakah saya akan berkeliling dan memberitahu dunia apa yang dilakukan oleh timbalan saya. Saya tidak mengerti bagaimana mencerita perkara seperti itu. Tetapi ini yang diberitahu kepada polis. Tingkah laku itu amat menjijikkan.

S: Adakah anda bersetuju bahawa amat sukar bagi rakyat, terutama mereka di kawasan luar bandar untuk mempercayai tuduhan terhadap Anwar?

J: Ya, ia memang sukar bagi kami. Ia memang sukar bagi kami untuk mempercayainya. Ia sukar bagi kawan-kawan saya untuk mempercayainya. Ia lebih sukar bagi kami untuk pergi memberitahu semua orang termasuk wanita dan kanak-kanak bahawa inilah perkara yang sebenarnya berlaku. Adakah anda tahu kesan pengakuan Bill Clinton bahawa beliau meminta Monicka Lewinsky melakukan seks di luar tabii terhadapnya? Ia diterbitkan seluruhnya dan kanak-kanak membaca perkara itu. Kita adalah masyarakat konservatif. Kita tidak bercakap mengenai perkara-perkara ini.

S: Adakah keluarga Datuk Seri Anwar akan dilindungi?

J: Mereka tidak melakukan sebarang kesalahan. Siapakah yang akan menyerang mereka? Tetapi jika dalam bahaya, mereka akan dilindungi. Semua

rakyat akan dilindungi, tidak lebih, tidak kurang. Dan dia akan tertakluk kepada undang-undang yang sama yang juga dikenakan ke atas semua yang lain. Undang-undang sudah ada, kecuali jika anda mengatakan bahawa orang terbabit yang menentang kerajaan mempunyai hak istimewa. Ketika itu, sudah tentu saya tidak boleh berkata apa-apa. Tetapi dalam negara ini, tiada siapa yang memiliki hak istimewa. Kami telah bertindak terhadap anggota kami. Berapa banyak ketua menteri yang dihadapkan ke mahkamah, didapati bersalah dan akhirnya terpaksa dihentikan daripada memegang jawatan. Seorang menteri telah dipenjarakan dan seorang ketua menteri telah dipenjarakan. Kita bertindak seumpama itu kepada anggota-anggota daripada parti kami sendiri. Tetapi perlu saya katakan bahawa dakwaan yang dikenakan ke atas mereka tidak menyebabkan mereka meletak jawatan dalam parti, meninggalkan parti atau menentang parti. Sesetengah daripada mereka didapati tidak bersalah, tetapi parti masih tidak menerima mereka kembali sebagai pemimpin kerana kita menganggap mereka telah mencemarkan maruah parti. Tetapi mereka masih anggota parti yang setia.

S: Memandangkan sekarang ini anda tidak mempunyai timbalan, adalah ini bermakna anda akan terus kekal sebagai Perdana Menteri?

J: Saya harap ia tidak terlalu lama. Saya mesti memiliki seseorang yang berupaya untuk meneruskannya. Seseorang yang boleh dipercayai dan dihormati. Saya boleh mempunyai beberapa alasan lain untuk menyingkirkan beliau (Anwar) jika ia bersifat politik. Tetapi amat malang ia menjadi begini. Sudah tentu saya mempunyai cukup banyak masalah yang perlu dihadapi. Dengan masalah ekonomi, dengan menangani Sukom, dengan menghadapi terlalu ramai pemberita di negara ini? Ini adalah waktu yang tidak tepat untuk saya melakukan semua ini. Jika boleh, saya ingin elakkan.

S: Apa akan berlaku kepada imej negara?

J: Untuk hari ini, saya yakin kawan-kawan Anwar dan mereka yang menghormatinya berasa kurang senang. Saya menerima mesej daripada kawan-kawan Anwar menuduh saya sebagai diktator dan sebagainya. Tetapi akhirnya kebenaran akan terbukti. Jika terbukti dia tidak melakukan semua ini, itulah kebenarannya. Tetapi jika kebenaran terbukti, saya berharap rakyat menerima hakikat kebenaran dan tidak lagi berkata "jika ianya benar sekali pun tetapi disebabkan dia adalah kawan saya dan oleh itu, saya tidak dapat menerima kebenaran."

S: Mengapa perbicaraan dua lelaki dibuat secara tergesa-gesa Sabtu lalu?

J: Kami dituduh hilang kewibawaan dan polis didakwa oleh Anwar sebagai berat sebelah. Polis mahu memastikan bahawa mereka boleh membersihkan nama dan mereka mahu membuktikan kebenaran secepat mungkin. Pemilihan waktu bukan ditentukan oleh saya. Jika ikut cara saya, saya lebih suka perkara ini tidak berlaku ketika Sukom. Saya seronok mengikut sukan yang diadakan itu. Saya tidak mempunyai cara untuk memberitahu polis "Awak harus menghadapi perkara ini dan menerima tuduhan Anwar dan dicerca oleh keluarganya serta orang lain kerana acara sukan sedang berlangsung. Ini bukan alasan yang baik bagi pihak polis.

S: Ada antara mereka yang ditahan mengikut ISA juga ahli Umno. Adakah mereka ini terbabit dalam menganjurkan perhimpunan?

J: Saya rasa mereka terbabit, jika tidak mengapa polis menahan mereka? Ahli lain tidak ditahan. Kita ada 2.5 juta ahli tetapi mereka tidak ditahan.

S: Apakah nasib Ketua Pergerakan Pemuda Umno (Datuk Ahmad Zahid Hamidi)?

J: Itu bukan untuk saya menentukannya. Saya tidak tahu sama ada dakwaan akan dibuat terhadapnya, tetapi nampaknya dia terbabit dalam menganjurkan perarakan dan perhimpunan haram ini.

S: Adakah kedudukannya dalam parti akan terjejas?

J: Itu parti menentukannya. Saya tidak membuat keputusan seperti itu

secara persendirian.

S: Sebaik saja Anwar didakwa di mahkamah, adakah ini bermakna dia tidak lagi ditahan mengikut ISA?

J: Saya tidak tahu. Saya tidak mengetahui butir-butirnya. Apa yang saya katakan ialah dia akan didakwa kerana anda tidak boleh ada dua orang didakwa tanpa beliau, kerana dia bersubahat.

S: Berapa ramai yang ditahan mengikut ISA?

J: Saya tidak tahu, mungkin 10 atau 20 orang.

S: Adakah rakyat asing turut ditahan?

J: Saya diberitahu ada rakyat Indonesia, beberapa rakyat Pakistan dan seorang Afghan. Saya tidak tahu dari mana mereka datang.

Tidak ada gerakan reformasi. Ia adalah penipuan kerana dia tidak mahu rakyat memberi tumpuan kepada salah lakunya. Dia mahu rakyat bercakap mengenai bagaimana hebatnya dia sebagai seorang pemimpin.

Itu hanyalah bayangan yang diwujudkan sendiri. Dia tahu akhirnya dia akan tetap dihadapkan ke mahkamah, jadi dia mendakwa `semua ini dirancang'. Kerana ia tidak berlaku, dia mewujudkan keadaan yang memaksa dia ditahan mengikut ISA.

Dia amat cerdik, seorang perancang yang licik.

S: Adakah gerakan reformasi akan berterusan?

J: Saya tidak tahu. Jika ia benar-benar gerakan reformasi dan dijalankan mengikut undang-undang, saya tidak lihat bagaimana kerajaan mahu menghalangnya.

S: Sebagai Menteri Dalam Negeri, bagaimana anda menjelaskan keadaan di negara ini sekarang?

J: Keadaan kini stabil. Sebahagian besar rakyat tidak mahu melihat keadaan tidak stabil di Malaysia. Rakyat tidak mahukan rusuhan dan keganasan seperti itu. Itulah perasaan rakyat di negara ini dan itulah sebab keadaan sentiasa aman. Tindakan yang dilakukan Anwar kali ini pernah dilakukannya dahulu. Dia gemar menggunakan pelajar untuk mendukung perjuangannya sendiri kerana mereka mudah dipengaruhi.

Sudah tentunya orang lain turut serta, termasuk ahli Pas kerana mereka berasakan ini adalah sesuatu yang baik bagi mereka dan memberikan pendedahan tambahan. Ada orang asing yang turut serta. Anwar tahu menguruskan perkara ini.

S: Anwar mendakwa mempunyai bukti anda dan menteri kabinet lain mengamalkan rasuah?

J: Saya akan meminta dia membuktikan rasuah itu. Dia boleh membuktikannya, tetapi dia perlu ingat bahawa kita juga mempunyai bukti mengenai rasuahnya sendiri tetapi itu adalah perkara lain.

S: Azizah (isteri Anwar) mempromosikan reformasi dan meminta anda meletakkan jawatan?

J: Mempromosikan reformasi ialah hak beliau, tetapi menggalakkan keganasan dan perhimpunan haram adalah salah. Jadi semuanya bergantung kepada apa yang dia lakukan dan berdasarkan undang-undang.

S: Adakah wujud keperluan untuk mengumumkan perintah darurat?

J: Tidak ada keadaan darurat. Sudah tentunya ada beribu-ribu orang mengikutinya tetapi sebahagian 22 juta penduduk yang tinggal di negara ini sudah tentunya gembira dengan keadaan sekarang.

Seperti yang anda boleh lihat, selain demonstrasi pada Ahad lalu, malam tadi beribu-ribu orang berada di Stadium (Nasional). Mereka amat gembira menyanyikan lagu kebangsaan.

S: Selain mereka yang anda temui, adakah pihak berkuasa mempunyai bukti?

J: Saya berasakan pihak berkuasa mempunyai bukti lain. Saya tidak berjumpa dengan Munawar dan Sukma.

Tetapi saya mesti menyatakan perkara ini. Apabila pihak polis mahu menahan Sukma untuk disoal jawab, Anwar menentang sekeras-kerasnya dan

datang berjumpa saya untuk memberitahu adalah tidak betul untuk menahan adiknya untuk disiasat.

Dia tidak memberitahu saya bahawa ia adalah adik angkatnya. Anwar mahu saya merayu kepada polis untuk tidak berbuat demikian. Jadi saya meminta polis untuk tidak melayan keluarga Anwar sebagai penjenayah.

Dan polis akhirnya menjelaskan bahawa mereka mempunyai sebab untuk menahan dia (Sukma) untuk disoal siasat. Kerana menghormati permintaan saya, saya rasa itulah sebabnya mereka tidak menahan Sukma sehingga Anwar dipecat.

S: Mengapa Umno mengambil tindakan terhadap Anwar sebelum dia didapati bersalah oleh mahkamah?

J: Parti tidak membuat keputusan berasaskan kepada apa yang mahkamah putuskan. Seperti yang anda tahu, ada ahli Umno lain yang diambil tindakan oleh parti, tetapi akhirnya didapati tidak bersalah oleh mahkamah.

Saya tidak mahu menamakan mereka kerana ia akan menjejaskan mereka. Tetapi jika ada tuduhan terhadap seorang anggota parti, walaupun ia tidak dibuktikan di mahkamah, kami akan meminta mereka meletakkan jawatan.

Dalam kes Anwar, dia diberikan perbicaraan sepenuhnya. Ketika dia dalam parti, dia tidak memberi peluang kepada orang lain dibicarakan sepenuhnya.

Anwar mendengar pandangan semua ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno. Mereka memberitahu dia supaya meletakkan jawatan kerana jika tidak, dia akan dipecat. Anwar memilih untuk tidak meletakkan jawatan, jadi dia dipecat.

Dia diberi keadilan lebih daripada apa yang diberikan kepada orang lain.

S: Adakah anda berasakan yang anda menerima sokongan seratus peratus daripada menteri anda?

J: Saya berasakan begitu. Menteri-menteri saya tidak meletakkan jawatan walaupun dikatakan mereka akan berbuat demikian.

Anda boleh bertanya kepada mereka. Tidak seorang pun meletak jawatan. Dan ini sama bagi anggota MT Umno.

Mereka seratus peratus di belakang saya. Untuk mengatakan mereka di belakang saya adalah salah, mereka adalah seratus peratus di belakang parti.

S: Adakah anda berasakan imej negara kini terjejas?

J: Ia terjejas akibat kelakuan Anwar. Apa yang patut dilakukannya ialah untuk menunggu mahkamah mendakwa dan mempercayai siasatan mahkamah. Tetapi dia memilih untuk mewujudkan isu politik daripada pemecatan dan tuduhan terhadapnya.

Ini adalah sesuatu yang rakyat biasa tidak mempunyai hak berbuat demikian dan saya tidak melihat bagaimana dia boleh berasakan dia layak berbuat demikian.

S: Adakah ini krisis politik terburuk dalam karier anda?

J: Saya pernah menempuh cabaran sebelum ini. Ia bukan satu krisis untuk saya.

Semua negara tetap melalui tempoh naik-turun dan saya berpendapat kita akan keluar daripada ini lebih baik berbanding kes lain kerana ia berasaskan kebenaran diketahui rakyat.

Sebaik saja kebenaran didedahkan, semua orang, malah rakan baik Anwar, akan menolaknya.

Ketika ini, ada antara penyokong kuat beliau sudah mula menentangnya.

Mereka berkata, 'tidak, kita tidak akan menerima seseorang seperti itu sebagai pemimpin'.

S: Ada mendakwa Dr Munawar dan Sukma diberi dadah sebelum dihadapkan ke mahkamah?

J: Bukannya senang untuk memberi dadah kepada seseorang dan mendapatkan pengakuan mereka di mahkamah.

Hakikatnya, mereka sudah memberi keterangan dan salah satu daripada mereka menghalau peguam yang datang untuk membela mereka.

Orang yang diberi dadah selalunya berasa mengantuk dan sukar berjalan.

S: Adakah anda meminta penyokong Anwar untuk bertenang sehingga kes didengar di mahkamah?

J: Mereka seharusnya menunggu sehingga kes dibicarakan dan menerima sebarang keputusan.

Anwar mempunyai hak dan boleh merayu. Kita tidak akan mengetepikan haknya mengikut undang-undang negara.

S: Anwar mendakwa dia menyimpan bukti berhubung rasuah terhadap anda dan menteri Kabinet lain di luar negara?

J: Dia boleh berbuat demikian ... tolong dedahkan. Dia juga pernah mendakwa saya terbabit dengan wanita lain dan saya meminta dia buktikannya.

S: Adakah masalah ini akan menjejaskan ekonomi negara?

J: Kita berasakan kita boleh menguruskan ekonomi negara lebih baik kerana ia sudah dilakukan dari dalam.

Ia tidak terdedah kepada tekanan luar. Jadi walaupun kita ada masalah ini, anda boleh lihat pasaran saham tidak jatuh teruk.

Ia jatuh beberapa mata tetapi tidak melebihi apa yang berlaku di negara lain.

Kita bernasib baik kerana sudah melaksanakan kawalan ini.

Jika tidak, maka pelabur asing akan berkata, ada kehilangan keyakinan dan mata wang akan jatuh.

Ini semua direka untuk menekan kita untuk tunduk kepada mereka.

S: Adakah masalah ini menjejaskan usaha Salomon Smith Barney mengumpulkan dana asing?

J: Mereka memang sedang mencuba untuk mengumpul dana di luar negara, dan anggapan kini ialah orang akan mengumpulkan dana bagi kita.

Pandangan mereka mungkin dipengaruhi oleh media asing yang menganggap saya sebagai diktator.

S: Adakah anda berpendapat dakwaan media bersifat prejudis terhadap kes Anwar?

J: Apa yang Anwar katakan akan turut mempengaruhi mahkamah.

Pada suatu masa, anda berkata kita perlu wujudkan kebebasan bersuara, tetapi kerajaan tidak boleh bebas bersuara kerana dengan berkata demikian, kerajaan cuba mempengaruhi mahkamah. Saya tidak berpendapat begitu.

Mahkamah di negara ini bebas. Saya ingin mengingatkan anda, bahawa sebuah mahkamah Malaysia mengisytiharkan Umno tidak sah dan menutup parti ini.

Saya tidak tahu sama ada wujud keadaan lain dalam sejarah dunia yang mana parti pemerintah diisytiharkan tidak sah oleh mahkamah.

Tetapi di negara ini, mahkamah yang dikatakan tidak bebas, mengisytiharkan parti pemerintah tidak sah.

(END)